

# Bab 1 \_\_\_\_\_

## **MENGENALI TASAWUF**

**T**ASAWUF, sebagaimana disiplin ilmu tinggi yang lain, mempunyai senarai ta'arif demi membawa penjelasan yang bening lagi sempurna. Bahagian muqadimah ini hanyalah pengenalan ringkas demi memesrakan kita dengan tasawuf bak pepatah — tak kenal, maka tak cinta.

Sering ada anggapan bahawa apa jua ilmu, ia mesti dikaitkan dengan asal-usul bahasa asal atau dinisbahkan kepada bahasa. Memandangkan Islam berteraskan bahasa Arab, maka sering kata dasar tasawuf dikaitkan 'suf' atau bulu domba/kambing biri-biri yang menjadi pakaian perintis tasawuf. Setakat manakah benarnya dakwaan ini ?

Tentulah paling utama dalam membuat perincian definisi ialah mendapatkannya daripada ulama ***muktabar*** (berwenang/authoriti) yang memberikan huraian ringkas seperti berikut:

- Abu Muhammad al-Juraiiri: “Tasawuf itu adalah memasuki diri ke dalam kebaikan dan mengeluarkan diri daripada akhlak buruk.”
- Abul Hassan al-Nuri: “Tasawuf ialah meninggalkan semua bahagian badan yang diperuntukkan kepada hawa nafsu cela/jahat dan melayani saja sifat terpuji (mahmudah).”
- As-Syadzili: “Tasawuf itu melatih diri dalam ubudiyah (sifat kehambaan) dan mengembalikan hukum-hukum rubbubiyah (sifat ketuhanan).”

- At-Tusturi: “Seorang pengamal tasauf atau sufi adalah orang yang selalu membersihkan diri daripada noda zahir dan batin, selalu bertafakur, sentiasa menghubungkan diri dengan Allah SWT dan memutuskan hubungan tidak bermanfaat dengan manusia.”

Daripada empat definisi tadi, jelaslah tasauf berkisar kepada tiga peringkat atau **marhalah**:

1. Bidayah
2. Mujahadah
3. Mazaqat

**Bidayah** bermaksud permulaan petunjuk ke jalan Allah SWT. Iaitu jalan dalam bentuk rasa pada jiwa yang merasa rindu kepada Allah SWT. Kerinduan atau cinta tadi menimbulkan makrifat atau berkenalan dengan Allah SWT. *Contoh*: Pertalian amal/perbuatan pada zahir dan jiwa dalam bidayah.

Perbuatan	Zahir	Batin/Jiwa
Makan	Sedap	Mensyukuri nikmat pemberian-Nya sehingga kita membacakan doa “Allahuma bariklana fima rozaqtana wa kina ‘adzaban nar.”
Melihat alam	Indah	Kagum akan kuasa-Nya dan menyebut ‘Subhanallah’
Menerima rezeki	Gembira	Terharu oleh pemberian-Nya sehingga menyebut “Alhamdulillah was Syukru lillah.”
Kuat bekerja	Sihat	Bersyukur dan menunjukan perbuatan untuk mencapai keredhaan-Nya “Radhitu billahi ra’abaa.”

## PERINGKAT AMALAN

Seorang pemimpin yang benar-benar mengamalkan tasawuf, walaupun pada peringkat/marhalah bidayah, akan senantiasa memastikan kuasanya tidak menjadi suatu penindasan ke atas orang bawahan. Sesuai dengan firman Allah swt dalam Al-Quran:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ  
 مِنْ نَشَاءٍ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِمَّنْ نَشَاءٍ وَتُعِزُّ مَنْ نَشَاءُ وَتُذِلُّ  
 مَنْ نَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٦٦﴾ تُولِجُ اللَّيْلَ  
 فِي النَّهَارِ وَتُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ  
 وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ نَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٦٧﴾

Katakanlah: “Wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki, dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu. Engkau masukkan malam ke dalam siang dan Engkau masukkan siang ke dalam malam. Engkau keluarkan yang hidup dari yang mati, dan Engkau keluarkan yang mati dari yang hidup. Dan Engkau beri rezeki siapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab.”

### Bidayah

Matlamat bidayah ialah menyempurnakan jiwa sehingga terserlah kepuasan rohani dalam hubungan kepada Allah SWT (**Hablum**Allah) dan hubungan dengan manusia (**Hablum** minanNas). Caranya ialah dengan senantiasa beribadah zahir yang

dihubungkan secara ikhlas demi Allah SWT semata. Kepuasan rohani akan terbina secara beransur-ansur selagi ia dilakukan dengan tetap/tekal (*istiqamah*).

## Mujahadah

Setiap manusia diamanahkan oleh Allah swt untuk berjuang di jalan-Nya. Inilah maksud jihad dan proses berjuang tadi dipanggil 'mujahadah'.

Sebenarnya berjuang bukan bererti berperang saja. Melaksanakan **amar ma'aruf nahi munkar** sudah merupakan perjuangan. *Mengekang hawa nafsu* terutama dalam bulan Ramadan merupakan perjuangan.

Tetapi apa jua amalan membersihkan rohani hendaklah berteraskan syariat; tiada pengecualian dalam hal ini. Tanpa syariat, tasawuf tidak bermakna.

Sekadar contoh, orang yang baik perilaku atau jiwanya yang suka menderma dan sebagainya tetapi enggan solat, zakat, berpuasa dan menunaikan haji, maka ia bukanlah lengkap sebagai seorang Muslim dalam erti kata sebenar.

Ada juga orang yang mengaku pengamal tasawuf atau sufi tetapi menyatakan tidak perlu solat, zakat, puasa dan sebagainya yang ditetapkan oleh syariat. Orang begini **membahayakan** kerana ia sudah sesat dan boleh menyesatkan orang lain.

**Al mazaqat** atau hasil yang diharapkan daripada mengamalkan tasawuf. Antara matlamat utama tasawuf dalam rangka ini ialah:

1. mencapai **ma'rifatun nafs** iaitu kenal diri atau jiwa. Aspek ini perlu dilalui sebelum seseorang itu mengenal Allah swt. Kita harus kenal kekurangan dan kelebihan diri kita, tahu batas susila diri sendiri. Sesungguhnya ramai orang yang kenal akan orang lain kerana sikap ilmu dan ramah mesra, tetapi tidak tahu dirinya.

2. **Tasfiah/tazkiah** ialah aspek pensucian hati daripada sifat-sifat cela atau *mazmudah*. Sifat takbur, marah, hasad dan zalim dibersihkan.
3. **Tahalli** iaitu mengalung atau menyerikan diri dengan dan sifat mulia atau *mahmumah* seperti amanah, ikhlas, jujur, berilmu dalam diri.
4. **Tarraqi** bermakna naik kedudukan atau *maqam* sehinggakan hati suci tadi sibuk dengan keperluan terhadap Allah *swt* walaupun hidup seperti manusia biasa. Ia *redha/pasrah* akan taqdir Allah selepas ***puas berikhtiar***.

Jelas matlamat tasawuf, menurut ulama sufi yang muktabar, adalah mendapatkan keredhaan-Nya dengan membina adab dalam jiwa dan zahir.

## NISBAH TASAWUF

Asal-usul tasawuf sering diperkatakan dalam rangka luas. Namun pokok perbicaraan hendaklah menjurus kepada unsur membina atau positif.

- **Suffah** ialah gelar orang ramai terhadap seorang lelaki sering beribadah di Masjid Haram. Namanya Al-Ghut bin Munir. Beliau muncul sebelum kedatangan Islam dan dipercayai pengikut ajaran Nabi Ibrahim as. Orangnya pendiam dan lebih cenderung berbuat halnya sendiri. Hal sebenarnya masih misteri. Jadi, apakah istilah tasawuf bermula daripadanya?
- **Suf** ialah bulu domba/biri-biri yang dijadikan pakaian para nabi dan orang warak. Demikian menurut Ibn Taimiyah (dalam bukunya Tasawuf) dan sejarawan Ibn Khaldun (dalam buku Muqaddimah). Malah pakcik termuda Nabi Muhammad saw, Ibn Abbas menyatakan:  
*“Sesungguhnya 70 orang nabi telah berlalu di gurun Rauhah dalam rangka perjalanan untuk menunaikan haji.*

*Kesemuanya berpakaian bulu domba. Mereka bersalat di Masjid Khair di Mina.”*

Kebanyakan pakaian sahabat dan pengikut sahabat (tabi'ien) berupa bulu domba. Menurut salah seorang ahli tasawuf perintis, Hassan al-Basri:

“Aku telah berjumpa dengan 70 orang perajurit perang Badr. Kebanyakan mereka itu berpakaian bulu domba.”

Jelaslah suf adalah pakaian tawadduk atau merendahkan diri. Ia kasar tetapi cukup sesuai untuk keperluan musim sejuk dan perlindungan daripada hempasan ribut pasir. Memandangkan ramai para nabi adalah penggembala, maka secara logik pakaian mereka adalah daripada bulu domba.

- *Ahlus-suffah* ialah gelar bagi para sahabat seperti Abu Hurairah dan Salman al-Farisi yang mendiami serambi Masjid Nabawi. Hidup mereka miskin dan kebanyakan mereka bujang. Mereka gigih beribadah.
- *Saf* bererti baris dalam solat jemaah. Lazimnya orang suka beribadah itu cuba mendapatkan tempat di barisan depan jemaah.
- *Suffiyah (suffistiyah)* diambil dari kekata Yunani *sophist* yang merujuk kepada golongan manusia yang cuba mencari kebenaran, bermula dengan ajaran Socrates sehinggalah Aristotle. Pemikir besar Islam, Al-Baruni yang juga seorang sejarawan, telah memberikan kaitan ini walaupun kurang disenangi oleh ramai ulama yang berpendapat tasawuf tidak meminjam mana-mana amalan, kecuali daripada Islam sendiri.
- *Safa* bermakna kebersihan, ini juga dikaitkan dengan salah satu usaha pemurnian sufi yang dipanggil *tasfiyah*.

Jadi mana satukah istilah sebenar asal-muasal tasawuf masih lagi suatu misteri. Pokoknya segala definisi hendaklah

memberikan gambaran membina atau membawa kebaikan dan bukan meremeh atau menghina tasawuf.

## PERMULAAN

Bilakah tasawuf dimulakan?

Tidak syak tasawuf dimulakan sejak Rasulullah saw menyebarkan Islam. Sari pekerti Nabi saw itu merupakan matlamat tasawuf – bersih rohani, senantiasa memikirkan urusan kemanusiaan yang diredhai Allah, senantiasa mendekati Allah secara bersendiri-sendirian atau *khalwat*.

[Sayang sekali istilah *khalwat* sudah disalahgunakan hingga bermaksud berdua-duaan lelaki dan perempuan di dunia sebelah sini.]

Konsep *khalwat* merupakan satu perkara yang amat praktikal dalam menjernihkan fikiran dan rohani.

1. Nabi saw mengasingkan diri atau berkhalwat di Gua Hira sehingga mendapat wahyu. Amalan ini diikuti oleh ramai sufi terutama yang dapat pergi ke gunung atau hutan. Namun ia tidak boleh dimaknakan sebagai bertapa iaitu amalan yang dikaitkan dengan agama terdahulu, Hindu dan Buddha.
2. Solat juga merupakan *khalwat* apabila fikiran kita tertumpu kepada Allah dan kita mengasingkan dunia.
3. Puasa juga merupakan amalan bersifat *khalwat* apabila kita mengasingkan dunia daripada makan minum, seks dan apa jua tuntutan nafsu.

Puasa terbahagi kepada tiga iaitu **awwam** (sekadar lapar dan dahaga), **khawaz** (menahan nafsu sambil beribadat) dan **khawazzul khawaz** (puasa seluruhnya dengan menahan pancaindera dan hati daripada godaan nafsu, beribadat dan meningkatkan penghayatan Islam). Dalam ibadah puasa Ramadan, 10 hari terakhir diluangkan untuk beriktikaf (berada di masjid untuk beribadah semata) dan meninggalkan urusan dunia.

4. Haji merupakan khalwat terbesar kerana apabila berada dalam ihram, kita tunduk zahir dan batin atas segala syarat yang dikenakan Allah *swt* Ketika wuquf (berihram dan berada di Arafah), haji itu adalah lambang kematian dan kebangkitan serta perhimpunan agung di Padang Mahsyar.

Kain ihram putih itu ibarat kain kapan. Apabila haji selesai dilaksanakan dengan sempurna, seseorang itu mencapai mabrur iaitu bak bayi bersih yang baru dilahirkan.

Nabi *saw* telah mengajarkan kita agar membersihkan diri daripada sifat syaitan dan haiwan. Daripada syaitan, timbul sifat takabur sehingga membawa hasad dan kezaliman. Daripada sifat binatang, timbul sifat kebinatangan nafsu dan buas.

Proses pembersihan diri itu terpapar dalam salat yang di dalamnya terkandung rukun sujud – saat seseorang pasrah sepasrahnya kepada Ilahi.

Dalam tasawuf, kehebatan dunia tiada bererti kecuali untuk membela kemanusiaan agar menjalani hidup mulia. Inilah yang dilakukan oleh Rasulullah yang dikelilingi oleh orang kaya dan malah ditawarkan oleh Allah *swt* akan emas sebesar Gunung Uhud.

Tasawuf tidak lain ialah segala amalan yang disuruh Allah *swt* agar kita mengingati-Nya sebagaimana terpapar dalam maksud surah An-Nur: 37:

رَجَالٌ لَا تُلْمِهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ  
الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ ﴿٣٧﴾

*“Lelaki yang tidak dilalaikan oleh pemiagaan (urusan) dan tidak pula oleh jual-beli (perdagangan) daripada mengingati Allah; mendirikan solat dan membayar zakat. Mereka takut pada suatu hari (Kiamat) ketika hati dan penglihatan mereka menjadi tergoncang.”*

Dengan amalan tasawuf, maka terpupuklah manusia menjadi para wali (orang soleh yang amat menjaga agama) sebagaimana maksud surah Yunus: 62:

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

*“Sesungguhnya para wali Allah tiada kekhuatiran dan mereka tidak pula berdukacita.”*

Wali tidak semesti ada keramat yang kita dapat rasakan. Orang soleh biasa juga boleh bertaraf wali jika Allah swt memperkenankannya. Sekadar contoh mudah, seorang ayah mendapat bayi pertama yang cacat. Daripada meratapi hidupnya, beliau menerima dengan redha dan senantiasa beribadah, sabar dan menyatakan kesyukuran. Anakny dibela hingga menjadi manusia yang dapat mengatasi kecacatannya. Ayah begini merupakan seorang wali.

Seorang suami yang kematian isteri yang dicintai, tidak harus meninggalkan solat dan terus menangis. Ia harus menerima takdir dan gigih melaksanakan kewajiban sebagai seorang muslim serta mendoakan isterinya.

Memang sukar mengetepikan perasaan yang kuat mencengkam fikiran. Sekadar contoh, sahabat Nabi, Umar al-Khattab tidak dapat menerima hakikat bahawa baginda telah wafat. Umar mengancam untuk memancung sesiapa yang menyatakan Nabi wafat. Namun apabila Abu Bakar ra membacakan sepotong ayat bahawa seluruh Nabi akan mati, termasuk Muhammad, maka sedarlah Umar akan kesilapannya sehingga ia beristigfar.

Jelaslah kehidupan Rasulullah saw merupakan cerminan tasawuf. Namun dalam zaman baginda, tidak timbul pembahagian ilmu seperti tauhid, fiqh dan tasawuf. Menurut Ibn Khaldun, perkembangan Islam begitu pesat sehingga timbul pelbagai cabang ilmu selepas 200 tahun Nabi saw wafat, misalnya timbul Hassan al-Basri (wafat 110 H), Sofyan as-Tsauri (wafat 161 H, dan juga guru kepada wanita sufi, Rabiah al-Adawiyah).

## **PENGAJIAN TASAWUF**

Ilmu tasawuf berkembang pesat menerusi sistem persekolahan atau madrasah sejak 200 H. Umumnya terdapat lima jenis madrasah:

1. Muhasabiyah (pengetuannya dipanggil muhasibi) yang banyak mengajarkan pelbagai aspek redha.
2. Khusairiyah yang dirintis oleh Syeikh Salleh Hamdun yang terasnya ialah membasmi kemungkaran atau sifat mazmumah.
3. Taifuriyah dirintis oleh Abu Yazid al-Bustami yang menegaskan konsep mabuk dalam cinta kepada Allah.
4. Junaidiyah dipelopori oleh Abul Qassim al-Junaid al-Baghdadi yang menegaskan konsep kesedaran.
5. Sahliyah dikemukakan oleh Sahal bin Abdullah at-Tsuri yang menitik beratkan riadah dan mujahadah.

Jelaslah tasawuf mendahului pengajian tauhid dan fiqh. Tidak hairanlah para iman empat mazhab juga merupakan ahli tasawuf. Lama-kelamaan pengajian tasawuf mewujudkan gaya pendekatan yang dikaitkan oleh guru atau syeikhnya. Inilah yang dipanggil tariqah (tariq = jalan).

Namun tasawuf boleh dipelajari tanpa tarikat, tetapi tarikat tidak dapat dipelajari tanpa tasawuf.

Tariqah memerlukan empat teras:

- i. Guru atau syeikh/mursyid
- ii. Zikir(riadah) dan mujahadah
- iii. Murid
- iv. Silsilah atau urutan guru utama demi memastikan ia tidak melencong atau sesat.

Dari zikir yang disusun menjadi wiridan, dibaie atau ratib sehinggalah hizib. Apa jua susunan guru itu menjadi pendekatan atau kaifah. Semuanya berteraskan ayat-ayat Quran dan Hadis (amalan dan doa Nabi saw).

## **Kandungan**

# TASAWUF ISLAM YANG BENAR

## PERMULAAN TASAWUF ISLAM

Para ulama berbeza pendapat tentang mulaannya muncul definasi tasawuf:

Abu Nashr As Sarraj berkata, “*Sesungguhnya asal mula tumbuhnya tasawuf adalah pada zaman sebelum Islam.*”<sup>1</sup>

Ibnu Khaldun berpendapat, “*Munculnya adalah pada abad kedua, setelah manusia berlumba-lumba mengejar dunia dan menyibukkan diri di dalamnya, maka mereka yang tetap tekun beribadah seperti sediakala disebut asy syuufiyah.*”<sup>2</sup>

Sedangkan Ibnu Jauzi<sup>3</sup> cenderung berpendapat bahawa timbulnya tasawuf adalah sebelum tahun 200 Hijriyyah, ertinya, pada akhir abad kedua Hijriyyah.

Adapun Ibnu Taimiyah<sup>4</sup> berpandangan bahawa timbulnya tasawuf adalah pada awal abad kedua, dan tidak dikenali secara meluas kecuali setelah abad ketiga Hijriyyah. Katanya, “*Tasawuf untuk pertama kalinya muncul di Bashrah. Sedangkan orang pertama yang membentuk rangkaian sufi adalah ‘Abdul Wahid bin Yazid dari sahabat Al Hasan di Basrah. Namun sikap berlebihan dalam zuhud, ibadah, rasa takut, dan semacamnya itu tidak berlaku di seluruh daerah.*

---

<sup>1</sup> Abu Nashr As Sarraj, *Al Luma'*, hal. 42.

<sup>2</sup> Ibnu Khaldun, *Muqaddimah Ibnu Khaldun*, hal. 417.

<sup>3</sup> Abu'l Faraj Ibnu'l Jauzi, *Talbis Iblis*, hal. 163.

<sup>4</sup> Ibnu Taimiyyah, *Majmu' Al Fatawa*, vol. 11 hal. 6-7.

*Pada masa itu hanya dikenali dengan : Ahli Fiqeh dari Kuffah dan Ahli Ibadah dari Basra.*<sup>5</sup>

Sebagaimana disebutkan oleh Ibnu Taimiyah bahawa, pembahasan tentang tasawuf diambil dari Al Hasan Al Basri yang wafat pada tahun 110 Hijriyyah, dan dari Sufyan Ats Tsauri yang wafat pada tahun 161 Hijriyyah.

Pada permulaan gerakan, sufi diungkapkan dengan sikap zuhud terhadap dunia, sibuk dengan ibadah dan *mujahadah* terhadap nafsu dan membimbingnya dengan akhlak yang mulia. Maka mereka adalah golongan yang bersungguh-sungguh dalam ketaatan kepada Allah. Ibnu Taimiyah telah menjelaskan pandangannya tentang keutamaan golongan sufi dengan lebih lanjut: *“Yang benar adalah bahawa mereka merupakan golongan yang bersungguh-sungguh dalam ketaatan kepada Allah sebagaimana ijihad mentaati Allah oleh orang-orang lain. Ada yang tergolong secara pertengahan dan ada pula yang sebaliknya. Dan tiap-tiap satu golongan itu, kadangkala berjihad tetapi keliru. Dan ada pula yang berdosa, langsung bertaubat dan ada pula yang tidak. Dan sudah tentu menyandar kepada yang salah itu, sekaligus menzalimkan dirinya dan melakukan maksiat kepada Allah.”*<sup>6</sup>

Yang benar di dalam masalah ini adalah, bahawa tasawuf itu ialah mengikuti perilaku kehidupan Rasulullah saw. Baginda Rasulullah saw mengarahkan diri kepada Allah dengan melihat, merenungkan, menyepi, berlatih, *bermujahadah* dalam perkataan mahupun perbuatan sehingga rohnya bersih, perasaan melunak, cermin kalbunya bersinar cemerlang dan bersedia untuk menerima Nur dari Allah. Maka beliau menjadi orang yang jujur laksana pancaran subuh, sehingga muncullah cahaya hakikat yang menerangi lubuk hatinya dengan kebenaran dan keyakinan.

Nabi Muhammad saw menghabiskan siang dan malamnya seorang diri, jauh dari kesibukan umum dengan menyendiri di

<sup>5</sup> Ibnu Taimiyah, *Ibid.*, vol 11 hal 6.

<sup>6</sup> Ibnu Taimiyah, *Ibid.*, vol. 11 hal. 18.

dalam gua Hira' sebelum turunnya wahyu itu. Begitu menerima 'bi'tsah' (*perutusan kenabian*), maka syariat pun turun berturut-turut ke atas dirinya, sesuai dengan keadaan yang dihadapinya. Beliau juga tidak pernah ada sifat keangkuhan walaupun beliau yang terpilih untuk mengembangkan risalah dari Allah.

Sahabat-sahabatnya turut mengikutinya. Mereka tidak menghafalkan ayat-ayat Al Qur'an kecuali setelah mengamalkannya, dan tidak menghafalkan yang lain kecuali sesudah melaksanakan secara nyata apa yang mereka hafalkan terlebih dahulu.

Kezuhudan dan kesucian telah termasyhur dengan banyak sekali dari kalangan sahabat sepanjang kehidupan Rasulullah saw dan setelah wafatnya. Telah turun banyak ayat-ayat yang penuh mengandung makna tasawuf, walaupun tidak menamakannya demikian.

Allah berfirman kepada NabiNya, Muhammad saw:

وَأَصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدْوَةِ وَالْعِشِيِّ  
يُرِيدُونَ وَجْهَهُ

*Dan bersabarlah kamu bersama-sama dengan orang-orang yang menyeru Tuhannya di pagi dan senja hari dengan mengharap keridhaan-Nya...*

(Al Kahfi: 28)

رِجَالٌ لَا تُلْهِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ  
الزَّكَاةِ يُخَافُونَ يَوْمًا نَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ

*Laki-laki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jual beli dari mengingati Allah, mendirikan sembahyang, dan membayarkan zakat. Mereka takut kepada suatu hari yang (di hari itu) hati dan penglihatan menjadi goncang.*

(An Nuur: 37)

كُونُوا رَبَّانِيِّنَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ  
وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ

*Hendaklah kamu menjadi orang-orang rabbani, kerana kamu selalu mengajarkan Al Kitab dan kerana kamu tetap mempelajarinya.*

(Ali 'Imran: 79)

الْآيَاتِ أَوْلِيَاءَ اللَّهُ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

*Ingatlah, sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati.*

(Yunus: 62)

وَقَدْ رَوَتْ السَّيِّدَةُ عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ  
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُومُ اللَّيْلَ حَتَّى تَنْفَطِرَ  
قَدَمَاهُ، فَقُلْتُ لَهُ لِمَ تَصْنَعُ هَذَا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَقَدْ  
غُفِرَ لَكَ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ، فَقَالَ : أَفَلَا  
أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا

Telah diriwayatkan oleh 'Aisyah ra dari Nabi saw : “Nabi saw selalu melakukan solat malam hingga bengkak kakinya. Maka aku berkata kepadanya, “Mengapa Anda melakukan hal itu, wahai Rasulullah, sedangkan Allah telah memberi ampunan atas dosa-dosa Anda yang dahulu mahupun yang akan datang?” Beliau menjawab, “Tidakkah sebaiknya aku menjadi hamba yang suka bersyukur?” (HR. Asy Syaikhani, An Nasa-i, At Tirmidzi).

Dari sini kelihatan bahawa muslimin itu berjenjang tingkatan akhlak, ibadah, dan akidahnyanya. Ada muslim yang biasa, ada yang sederhana, dan ada yang melebihi keduanya.

**Kandungan**

Allah berfirman:

فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ  
مُقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ

*Lalu di antara mereka ada yang menganiaya dirinya sendiri dan di antara mereka ada yang pertengahan dan di antara mereka ada (pula) yang lebih dahulu berbuat kebaikan.*

**(Faathir: 32)**

Sedangkan tasawuf Islam yang hakiki adalah Islam teladan, dan *mutashawwif* merupakan muslim teladan.

Apabila ada yang bertanya:

*“Mengapa seruan untuk mengikuti tasawuf tidak kelihatan pada masa Nabi saw. dan sahabat-sahabatnya, melainkan baru muncul setelah itu?”*

Jawapan bagi pertanyaan ini:

*“Adalah orang-orang Islam pada zaman Nabi, mereka hidup mulia dalam jalinan persahabatan dengan Rasulullah saw. Para pengikut-pengikut ini merupakan orang-orang yang zuhud, mulia, gemar bermujahadah, dan ‘fana’ dalam mencintai Allah dan RasulNya. Mereka mendapat kehormatan dengan kesempatan untuk bersahabat dengan beliau, dan mendapatkan kemuliaan tertinggi dari yang dapat diungkapkan.”*

Kaum muslimin selepas wafatnya Rasulullah saw tidak diberikan sesuatu gelaran kepada seseorang yang dimuliakan. Hanya mereka itu adalah sahabat-sahabat Rasulullah saw. Oleh kerana itu, mereka dikenali sebagai ‘sahabat’. Dalam pada masa yang sama, mereka dari generasi selanjutnya yang bersahabat dengan para sahabat disebut ‘*tabi’in*’, iaitu merupakan sebutan yang paling terhormat. Mereka yang selanjutnya pula dinamakan dengan ‘*tabi’it tabi’in*’ (pengikut para ‘*tabi’in*’).

Setelah tiga golongan ini, muncullah perbezaan pendapat tentang tingkatan martabat di antara muslimin. Selanjutnya, mereka yang mengkhususkan diri dan memiliki perhatian besar terhadap perintah-perintah agama disebut sebagai 'zuhhad' dan 'ubbad'. Namun, selepas itu, timbullah bid'ah di antara berbagai kelompok muslimin, kerana masing-masing mendakwa bahawa di antara mereka terdapat golongan itu tadi. Akhirnya, para *ahlus sunnah* menyingkir dan menyerahkan diri mereka kepada Allah serta menjaga hati mereka dari berlakunya sesuatu yang sia-sia. Kelompok ini menyatukan diri dengan nama tasawuf, dan nama ini telah terkenal sebagai tokoh-tokoh Islam yang termasyhur sebelum tahun 200 Hijriyyah.<sup>7</sup>

Berdasarkan hal ini, maka sesungguhnya para sahabat termasuk golongan sufi, walaupun mereka tidak menggunakan nama itu.

Jika ada yang berpendapat bahawa 'tasawuf' adalah sebutan yang diadakan oleh orang-orang Baghdad pada abad kedua Hijriyyah dan sebelumnya, sebutan itu tidak dikenali, maka jawapan kepada pendapat ini adalah seperti berikut:

Abu Nashr As Sarraj Ath Thusi<sup>8</sup> berkata, "*Orang yang pertama kali menyebut 'ash shuufiyah' adalah Al Hasan Al Bashri, dan Al Hasan pernah menjumpai sekelompok sahabat Rasulullah SAW. Diriwayatkan bahawa beliau berkata, "Aku melihat seorang sufi melakukan tawaf. Aku memberinya sesuatu, tetapi dia tidak mahu mengambilnya dan berkata, "Aku masih mempunyai empat 'daniq', dan itu cukup bagiku."*

Diriwayatkan dari Sufyan Ats Tsauri, katanya, "*Seandainya tidak kerana Abu Hasyim As Sufi, tidaklah aku mengetahui tentang sedalam-dalamnya makna 'riya'.* Beliau telah mengatakan terdapat di dalam kitab yang melaporkan berita-berita berkenaan Makkah, tentang

---

<sup>7</sup> Abu'l Qasim Al Qusyairi, *Ar Risalah Al Qusyairiyyah*, vol. 1 hal.52, dan Abu Nashr As Sarraj, *Al Luma'*, hal. 42.

<sup>8</sup> Abu Nashr As Sarraj, *Ibid.*, hal. 42.

*Muhammad bin Ishaq bin Yasar dan lain-lainnya, yang mengatakan bahawa pada masa sebelum Islam, kota Makkah pernah kosong sehingga tidak seorang pun yang melakukan tawaf ke Baitullah. Kemudian datanglah seorang sufi dari kota yang jauh, melakukan tawaf di Baitullah dan menyucikan dirinya.”*

Dan sekiranya berita ini benar, ia menunjukkan bahawa sebelum Islam, nama Sufi itu telah diketahui, dan disandarkan kepada orang-orang yang gemar melakukan kebaikan dan keislahan.

Pengamalan tasawuf bukanlah hal yang baru di dalam Islam, bahkan ia merupakan Islam yang hakiki, yang timbul dan berkembang seiring dengan kemunculan Islam itu sendiri, walaupun tidak dikenali dengan sebutan ini pada abad kedua Hijriyyah. Sedangkan perilaku, perasaan, dan keadaan jiwa muncul dalam tahap terakhir pada masa penerapan ilmu-ilmu seperti fiqeh, tauhid, tafsir, dan lain-lain.

Dan sekiranya nama tasawuf ini tidak disenangi oleh sebahagian mereka, maka namakanlah dengan apa sahaja nama yang disukai, yang penting, fahaman dan pengamalan ini adalah dari Islam dan tetap diambil dari golongan ini.

## Kandungan

## PERI PENTING TASAWUF

ISTILAH atau nama ilmu tidak pernah menjadi persoalan pada zaman Nabi Muhammad saw mahu pun Khulafa'ur Rasyidin. Namun dalam jangka waktu 23 tahun kenabian, Baginda saw telah membenteng keseluruhan teras ilmu yang merupakan suatu segmen utama dari rangkuman Ar Risalah .

Pelbagai istilah ilmu mula timbul selepas zaman mereka, iaitu setelah segala teras ilmu yang diajar Rasulullah saw dan para sahabat berkembang luas. Justeru, selepas puluhan tahun dan mengalami evolusi yang agak teruja, barulah timbul pembahagian ilmu mengikut susunan yang kita kenal hari ini. Tujuan asal penyusunan kategori dan istilah ilmu itu sebenarnya adalah untuk memenuhi keperluan umat Islam yang semakin ramai jumlahnya dan memudahcarakan proses pembelajaran mereka. Usaha cendikiawan Islam ke arah pembinaan klasifikasi ilmu itu lebih didasari oleh keperluan dakwah dan kesesuaian permintaan zaman. Dari gembelangan tenaga dan daya para alim kita itu tercetuslah pelbagai bidang ilmu yang antaranya dinamakan *Tauhid, Fiqh dan Tasawuf, Tafsir, Hadis, Falak, Nahu, Mantiq, Adab, Iqtisad, Qawaid Fiqhiyyah, Zira'i dan lain-lain*.

Sebagai manusia Islam kita mungkin begitu akrab dengan bidang ilmu Tauhid dan Fikh. Ini berpunca dari pendedahan dan penekanan dasar dalam usaha membentuk keperibadian Muslimin. Pengolahan dan perbahasan ilmu-ilmu tersebut oleh para alim terkemuka seperti Imam Malik, Imam Syafie, Imam Hanafi dan Imam Hambali pula memang telah terkenal dan

meluas. Jasa dan keberkahan mereka telah dan akan terus membantu umat Islam mencari dan mencetak keperibadian Muslim yang berwibawa. Keperibadian seseorang Muslim sebenarnya terletak pada keteguhan iman dan ketinggian ilmu yang dapat meningkatkan darjat seseorang di sisi Allah *swt*.

Hal ini dapat dilihat pada firman Allah *swt* di Surah Al-Mujadalah ayat 11:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ

*“Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat”.*

Dari sudut keutamaan dan pendedahan mungkin kita mendapatkan suatu pendekatan yang diselimuti suasana kurang kesungguhan dalam mempelajari ilmu Tasawuf. Ia ada kaitan rapat dengan sejarah perkembangan ilmu dalam dunia Islam yang diselangi berbagai cita rasa dan pengaruh kepimpinan, dan pilihan mereka sendiri.

Nabi Muhammad *saw* berperanan penting dalam pelbagai bidang kehidupan umat Islam. Selain tugas kerasulannya, Baginda *saw* juga seorang pemimpin negara dan reformer sosial. Antara yang paling menonjol, Baginda *saw* adalah seorang sufi atau pengamal Tasawuf. Amalan Baginda *saw* sebagai ahli sufi sebenarnya telah disampaikan kepada para Sahabatnya (bererti Muslim yang ditemui Nabi *saw* atau melihat Baginda). Sejarah telah banyak merakam kehidupan zuhud para Sahabat *ra* yang penuh hikmah, dan manifestasi cinta mereka kepada Allah *swt* yang sukar ditandingi.

Amalan sufi Baginda itu terpapar pada akhlaknya yang tinggi atau *Al-Akhlaqul Karimah* seperti zuhud. Pengiktirafan Allah *swt* akan ketinggian akhlaknya Nabi *saw* jelas terpapar pada firman Allah *swt* di Surah Al-Qalam ayat 4:

## وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

*“Dan sesungguhnya kamu (wahai Muhammad) mempunyai budi pekerti yang teragung”.*

Allah swt memuji Nabi saw kerana memiliki akhlak mulia dan menyeru manusia menuruti jejak langkah Baginda. Rasulullah saw sendiri sentiasa berpeluang memiliki kekayaan tetapi Baginda memilih suatu kehidupan yang didasari kemurahan hati dan sifat penyayang terhadap fakir miskin. Sifat mulia ini yang dimiliki oleh Nabi saw harus dijadikan contoh sesuai dengan firman Allah swt di Surah Al-Baqarah ayat 143:

## وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

*“Dan demikian pula kami telah menjadikan kamu umat Islam, umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas perbuatan manusia dan agar rasul menjadi saksi atas perbuatanmu”.*

Kebanyakan para sahabat juga mengamalkan zuhud iaitu hidup dalam keadaan serba sederhana dan membelanjakan harta untuk anak yatim, orang miskin dan sebagainya demi kebajikan ummah. Istilah zuhud ini tidak seharusnya disalahertikan sebagai pengenehan atau tidak berperanan dalam soal keduniaan. Islam tidak sekali-kali melarang Muslimin mencari kekayaan. Malahan ia merupakan suruhan Allah swt yang terdapat di Surah Al-Qasas ayat 77, *“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu untuk kebahagiaan di akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari kenikmatan dunia dan berbuat baiklah kepada orang sebagaimana Allah telah berbuat baik kepada kamu.”*

Para Sahabat seperti Saidinah Abu Bakar Ash Shiddiq, Saidinah Usman bin Affan dan Saidinah Abdul Rahman bin Auf merupakan niagawan yang berjaya dan kaya. Begitu pula

Saidatinah Siti Khadijah, isteri Rasulullah saw. Apa yang dituntut adalah memperlakukan harta itu untuk kemashlahatan peribadi, keluarga, dan ummah sehingga membantu tercapainya keadilan sosial.

## UJIAN KEBENDAAN

Sayang sekali, hari ini kita hidup dikelilingi oleh semangat kebendaan. Malahan yang lebih menyedihkan, ramai juga mereka yang mengutamakan kebendaan sedangkan mereka dalam keadaan lemah atau tanpa kemampuan. Sifat cinta kepada kebendaan ini memang telah dihiaskan dalam diri setiap anak Adam sebagaimana firman Allah swt dalam Surah Ali 'Imran ayat 14, "*Dijadikan indah pada pandangan manusia kecintaan pada apa-apa yang diingini iaitu wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak kuda pilihan, binatang-binatang ternakan dan sawah ladang*".

Hidup berhutang demi mengecap kemewahan kononnya telah menarik mereka ke jurang kemiskinan. Ilmu akhlak atau Tasawuf tidak diperbesarkan berbanding dengan ilmu Tauhid dan Fikh. Pada hal, Rasulullah saw telah mengajarkan ilmu akhlak ini terlebih dulu iaitu selama 11 tahun, sebelum para sahabat mempelajari perihal solat (selepas peristiwa Isra' Mi'raj), puasa dan sebagainya.

Akibatnya banyak sifat cela yang ditimbulkan dan diperbesar seolah-olah inilah yang menjadi ukuran manusia yang berjaya.

Sekadar contoh, kita berjumpa manusia yang bercakap dengan *penuh kuasa* (authoritative) atau *menonjolkan pangkatnya*. Contoh-contoh ini menunjukkan sifat riya' dan takkabur (berasal dari bahasa Arab). Dalam Quran, dua sifat cela itu dipuncakan daripada Iblis. Jadi sifat-sifat ini juga disebut sifat syaitan.

Sesungguhnya sifat buruk sama sekali tidak kekal. Misalnya, sejarah tanpa henti memaparkan bukti-bukti jelas mengenai kebangkitan dan kejatuhan para pemimpin dunia yang tegar,

serakah dan gersang adab. Sehingga kejatuhan mereka ada yang boleh dikatakan dalam keadaan yang aib atau menghancurkan. Jadi sifat cela akan membawa *keadaan sebaliknya* iaitu apabila kuat pada permulaannya, orang itu akan lemah akhirnya.

Jadi bagaimanakah ilmu akhlak dapat menyelamatkan orang yang berkuasa?

Orang yang berkuasa dapat diselamatkan oleh ilmu Tasawuf apabila ia merasa ada pertimbangan wajar yang perlu dilaksanakannya terhadap golongan-golongan yang dikuasai. Hal ini senantiasa diperingatkan oleh Allah swt sebagaimana dalam Surah Ad-Dhuha ayat 11, *“Apabila diberi nikmat Allah, maka hendaklah kau bersyukur”*.

Riya’ dan takkabur telah menjatuhkan Iblis ke lembah yang terhina ( ia adalah jin yang telah mendapat nikmat dalam bentuk penghormatan Allah swt sehingga dapat bersama para malaikat. Nama Iblis ketika itu ialah Azazil). Allah swt hendak menguji setiap hambanya, iaitu mereka harus buktikan ketaatan melalui perlakuan bukan sekadar ungkapan manis dari hati yang berbolak-balik. Jadi, ketika Allah swt menyuruh para malaikat dan Iblis agar menyembah (memberi penghormatan) kepada Adam as, hanya Iblis saja yang enggan. Peristiwa ini dapat disingkap kembali pada firman Allah swt di Surah Al-Baqarah ayat 34, *“Dan ingatlah ketika Kami berfirman kepada para malaikat : Sujudlah kamu kepada Adam, maka sujudlah mereka kecuali Iblis. Ia enggan dan takabbur dan adalah ia termasuk golongan orang-orang yang kafir”*

Allah swt mengetahui isi hati hambanya. Namun, dalam peristiwa Iblis yang ingkar tadi, Allah swt bertanya mengapa Iblis tidak menyembah Adam. Hal ini demi disaksikan oleh para malaikat dan Nabi Adam. Jawab Iblis ialah dia lagi mulia kerana dijadikan daripada api sedang Adam hanya berasal daripada tanah. Jawapan Iblis yang bongkak ini telah dirakamkan dalam Surah Al-’Araf ayat 12 ketika Allah swt bertanyakan kepada Iblis, *“Apakah yang menghalangimu untuk bersujud kepada Adam di waktu*

*Aku menyuruhmu ? Iblis menjawab : Saya lebih baik daripadanya. Engkau ciptakan saya dari api sedangkan dia Engkau ciptakan dari tanah .”*

Jawapan Iblis itu menunjukkan dia takkabur iaitu berbangga pada dirinya sendiri, dan bersifat riya' iaitu inginkan orang lain (Adam) menyanjungnya dan bukan sebaliknya. Lantaran itu, Allah swt telah mengenyahkan Iblis dari syurga. Jelaslah di sini Iblis merupakan makhluk yang tidak sedar diri iaitu tidak mensyukuri pemberian dan ciptaan Allah swt.

Sepanjang kehidupan manusia dari zaman Adam as, manusia diuji secara berterusan. Ujian Adam as mengingatkan kita kepada satu daripada dua sifat asal manusia, iaitu *lupa*. Hal ini berlaku apabila Adam as lupa dengan larangan Allah swt agar jangan memakan buah dari sebuah pohon. Lupanya Adam as itu adalah berpunca dari rayuan Hawa, isterinya yang menerima bujukan Iblis, yang memberitahu bahawa dengan memakan buah tadi akan kekalah mereka hidup di syurga.

Satu lagi sifat asal kelemahan manusia ialah *mengantuk* atau kalah tidur.

Allah swt telah menjadikan Nabi Sulaiman as sebagai manusia paling perkasa kerana dapat menguasai angin, jin, mengetahui bahasa binatang (termasuk serangga) dan memiliki kekayaan yang tiada terkira. Tetapi bagaimanakah Sulaiman as menanggapi segala keistimewaan itu? Beliau menyatakan bahawa *“Ini adalah kurnia daripada Tuhanku sebagai dugaan sama ada aku bersyukur atau kufur...”*

Maksud **kufur** dalam konteks ini bukanlah menafikan Allah swt, tetapi menidakkan nikmat atau anugerah Ilahi.

## ILMU BATIN

Dua lagi sifat Iblis ialah *hasad* (menaruh perasaan iri dan benci) dan *dengki* (tergamak mengenakan). Jadi dapatkan sifat-sifat

syaitaniah ini dibasmi? Jawabannya ialah tentu saja boleh. Ia boleh dilakukan dengan menguasai ilmu Tasawuf atau ilmu batin yang bertujuan membersihkan jiwa (nafi'a).

Sering kita tidak menyadari bahawa perlakuan kita adakalanya menyerupai syaitan. Contohnya, ketika bercermin, kita merasa diri kita kacak dan wajah orang lain juga merasa demikian. Merasa kacak dan berbangga itu dipanggil takkabur. Manakala mengharapkan orang lain mengiktiraf kehebatan itu pula dipanggil riya'.

Satu lagi contoh ialah, ketika bersolat sendirian, sering kita lalai dari segi ketertiban. Tetapi apabila kita bersolat di masjid atau di khalayak ramai, kita bersungguh-sungguh melakukannya kerana merasa banyak mata melihat kita – iaitu sifat riya'.

Mengapakah ini terjadi?

Seyogianya diingat, sebelum dinyahkan dari syurga, Iblis mendapat izin Allah swt bagi dua perkara:

**Pertama**, untuk terus menduga Adam as dan keturunannya (manusia) dari semua sudut;

**Kedua**, diizinkan hidup sampai akhir zaman (akhirat). Tujuannya semata-mata untuk menghalangi manusia dari mengikuti jalan yang lurus. Iblis terus berkata sebagaimana tercatat pada ayat 17 Surah Al-'Araf, *"Kemudian saya akan mendatangi mereka dari depan dan dari belakang mereka, dari kanan dan dari kiri mereka. Dan Engkau tidak akan mendapati kebanyakan mereka bersyukur"*

Bagi perkara pertama, Allah swt berkata Iblis dan pasukannya tidak akan dapat mempengaruhi hambanya yang *ikhlas* beriman. Ini jelas dinyatakan oleh Allah swt dalam Surah Saad ayat 82 ketika Iblis menjawab, *"Demi kekuasaanMu aku akan meyesatkan mereka semuanya kecuali hamba-hambaMu yang ikhlas di antara mereka."*

Oleh itu, jika kita melakukan sesuatu demi orang lain dan bukan kerana Allah, maka kita dikatakan tidak ikhlas.

Secara mudah, Tasawuf ialah mengenai keikhlasan atau melakukan sesuatu kerana hendak mendapatkan keridhaan Allah SWT. Dari segi formulanya, kita dapat merumuskan seperti berikut:

$$T \text{ (tasawuf)} = f \text{ (pembersihan sifat cela, ikhlas)}$$

Berbalik kepada soal solat dan riyah' tadi, hal ini ada dijelaskan dalam peringatan Allah swt pada keseluruhan surah Al-Ma'un yang bermaksud, "*Tahukah kamu orang yang mendustakan agama? Itulah orang yang mengherdik anak yatim. Dan tidak menganjurkan memberi makan orang miskin. Maka celakalah bagi orang-orang yang salat, iaitu orang-orang yang lalai dari solatnya, orang-orang yang riyah dan enggan mengeluarkan zakat.*"

Antara lain mengingatkan orang Islam agar jangan jadi pendusta agama (munafik) kerana sekurang-kurangnya tiga perkara berikut:

- mengasari anak yatim;
- enggan memberi makan/menanggung orang miskin;
- lalai dalam bersolat, dan
- orang yang riyah'

Maksud 'lalai' (Arab: *sahun*) amat luas, termasuklah tidak khusyuk ketika bersolat dan lupa mengenai apa yang dibaca dalam solatnya kerana fikirannya menerawang.

## MAKSUD IHSAN DAN SEMPURNA

Ikhlas juga dimaksudkan sebagai *ihsan*. Makna 'ihsan' terpapar dalam sebuah hadis yang amat terkenal, iaitu ketika Jibril as yang menyamar sebagai seorang lelaki datang dan duduk bertemu lutut di depan Nabi saw dalam suatu majlis yang disaksikan para

sahabat. Jibril as bertanya apakah makna *Islam*, *Iman* dan *Ihsan*.

Mengenai '*ihsan*', Nabi saw menyatakan ialah ***apabila seorang Muslim beribadat ia seolah-olah melihat Allah swt dan jika ia tidak dapat melihatnya, ia mengetahui bahawa Allah swt melihatnya.***

Maksud 'melihat' ialah satu persaksian iaitu apa jua urusan kita hendaklah ditujukan kepada Allah swt. Demi mendapatkan keridhaan atau disukai Allah swt, maka segala kerja yang kita buat hendaklah memenuhi suruhannya dan menjauhi larangannya. Amalan inilah yang menjadikan kita melakukan sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh hingga ia mencapai taraf *sempurna* (bahasa Arabnya, *kamil*).

Bagaimanakah kita melihat sesuatu itu 'kamil'?

Satu-satunya makhluk yang telah mencapai darjat atau maqam kamil adalah Rasulullah saw. Segala ilmu dan peristiwa di dunia dan keseluruhan alam telah dilihatkan (dipersaksi) Allah swt kepada Baginda. Misalnya, Nabi saw merupakan manusia pertama yang dibedah secara cahaya, diangkat ke langit, dilihatkan peristiwa terdahulu dan pada hari kemudian.

Tugas umat Islam ialah meraih apa jua usaha secara sempurna. Di sinilah terbentang erti gemilang atau kecemerlangan. Kalau bekerja, orang Islam mestilah yang terbaik. Ini dapat difahami dengan firman Allah swt di Surah Al-Isra' ayat 7, "*Jika kamu berbuat baik bererti kamu berbuat baik bagi dirimu sendiri, sebaliknya jika kamu berbuat jahat maka kejahatan itu adalah bagi dirimu jua*".

Konsep sempurna dan ihsan ini berkait rapat kerana kata dasar bahasa Arab, *hasanah* (yang baik) adalah *ihsan*. Kekata itu terhimpun dalam doa yang sangat terkenal – *Rabbana athina fid dunnya hassanatan wal fin akhirati hassanatan waqinna 'azabbannar*. (Ertinya: Ya Allah kurniakanlah aku kehidupan sempurna dan baik di dunia dan juga di akhirat dan jauhkan daku dari seksa api neraka).

Jelaslah apabila hati kita ikhlas/ihsan, maka kita tidak mudah digoda oleh pesona zahir seperti harta atau kekayaan, seks atau wanita dan pangkat atau takhta. Hal ini menjelaskan betapa relevannya Tasawuf dalam melengkapkan seseorang – dari seorang pekerja biasa sehingga pemimpin agung – dalam menghadapi dugaan dunia yang dicetuskan oleh Iblis dan pasukannya. Apabila hati telah disucikan dengan ikhlas dan ihsan, segala tindak-tanduk kita akan membawa kebaikan di dunia dan mendapat balasan baik di akhirat.

Tasawuf adalah ilmu batin kerana ia mengenai dalam diri manusia yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Aspek batin atau ruh ini juga disebut ruh Islam. Kelemahan umat Islam dewasa ini ialah kerana kekurangan pada ruh Islam.

Sering kita tidak menyedari DIRI KITA sendiri sudah melakukan syirik atau menyekutukan Tuhan walaupun kita bersolat dan menjalankan pelbagai ibadah. Ini berlaku dengan pelbagai keadaan, misalnya seseorang itu senantiasa mengharapkan kerja atau usahanya dengan ganjaran dalam bentuk harta dan pangkat dan bukan keridhaan Allah *swt*. Syirik sedemikian disebut **syirik khafi** (syirik yang tidak disedari/tidak ketara). Tetapi syirik yang lebih besar atau **syirik jali/kabir** ialah bertindak menyekutukan Allah *swt* secara terang-terangan seperti mengamalkan fahaman komunis, menyembah berhala, menyatakan Tuhan ada ibu bapa dan anak.

## AKAL DAN TAQWA

Antara peringatan Allah *swt* kepada kita ialah semua manusia adalah sama tetapi yang membezakan darjat/kedudukan atau maqamnya di sisi-Nya ialah aspek *taqwa*. Firman Allah *swt* dalam Surah Al-Hujuraat ayat 13, “*Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di sisi kamu*”.

Erti taqwa ialah mengikuti suruhan Allah *swt* dan takut melanggar perintah-Nya. Sering taqwa dianggap sebagai 'takut'. Misalnya, kita berhentikan kereta ketika lampu trafik merah kerana takut disaman. Tetapi 'takut' kita kepada Allah *swt* tentulah jauh lebih hebat lagi – takut kerana tidak mendapat keberkahan-Nya di dunia, atau takut kerana mendapat seksa neraka. Jadi apa jua perbuatan kita hendaklah kerana-Nya atau ***lillahi ta'ala***.

Dalam kehidupan murni atau sempurna seorang Muslim, sifat ikhlasnya akan mendorongnya untuk melakukan apa jua kerana-Nya – dari perkara yang kecil seperti beristinjak, mengangkat wuduk, solat sehingga perkara yang besar seperti membela diri ketika diserang. Bagaimanakah kesedaran ini dapat ditancapkan dalam akal manusia?

Sebelum itu, apa itu akal?

Sebenarnya sukar untuk membezakan apa itu 'hati' dan 'akal'. Sering ulama menganggap kedua-duanya sama saja. Otak yang ada di kepala itu bukanlah akal. Tetapi otak adalah organ untuk memproses data wadah daya peringatan.

Ada hadis terkenal menyebut bahawa dalam tubuh manusia ada seketul daging.

Dalam sebuah hadis Rasulullah saw pernah menyatakan *"Dalam diri anak Adam itu ada segumpal darah, apabila ianya baik maka baiklah seluruh anggotanya. Apabila ia rusak, maka akan rusaklah seluruh anggotanya. Itulah dia hati.*

Daging itu adalah hati? Apakah maksud hati ini dalam erti langsung iaitu 'hati' (liver) manusia ? Hal ini akan kita bincangkan kelak.

Pokoknya, tanpa akal, tidak sah ibadah seorang Muslim. Salah satu syarat pokok ibadat ialah berakal. Jika orang itu gila, maka ibadah tidak sah. Bahkan jika dia membunuh kerana tidak berakal, perbuatannya boleh dikira tidak berjenayah.

Yang membezakan manusia dengan haiwan yang lain ialah kerana manusia **berakal**. Haiwan pula **bernaluri** seperti makan, minum, kahwin dan sebagainya. Sekiranya manusia tidak mampu memanfaatkan akal nya, maka ia diibaratkan Allah swt sebagai haiwan, bahkan lebih buruk lagi darinya.

Allah swt berfirman dalam Surah Al-'Araf ayat 179, "*Mereka mempunyai hati tetapi tidak dipergunakannya untuk memahami ayat-ayat Allah dan mereka mempunyai mata tetapi tidak dipergunakannya untuk melihat tanda-tanda kekuasaan Allah, dan mereka mempunyai telinga tetapi tidak dipergunakannya untuk mendengar ayat-ayat Allah. Mereka itu seperti binatang temak, bahkan mereka lebih sesat lagi. Mereka itulah orang-orang yang lalai.*"

Taqwa tidak akan teguh jika akal tidak disucikan atau **tasfiah** daripada sifat-sifat cela yang terdapat pada syaitan dan juga binatang (buas dan tidak mengenal hubungan kelamin).

*Contohnya:* Seorang hartawan dikatakan bijak kerana berjaya mengumpul harta walaupun dalam keadaan kemelesetan. Dari segi Tasawuf, kebijaksanaan orang ini hanya bersifat zahir. Ia tidak melambangkan taqwa.

Untuk meraih taqwa, hartawan itu hendaklah menyalurkan hartanya sebagai sedekah dan zakat. Terlebih dulu, hartanya pula hendaklah diperolehi dengan jalan yang halal.

## SEMPURNA MENYELURUH

Manusia Islam adalah insan yang menyeluruh atau **kaffah**. Ertinya berkaitan rapat dengan konsep insan kamil atau manusia sempurna yang telah dicapai oleh Rasulullah saw. Istilah kaffah atau keseluruhan dalam mempraktikkan Islam telah diperintahkan oleh Allah swt dalam firmannya Surah Al-Baqarah ayat 208, "*Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya, dan janganlah kamu turuti langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang nyata.*"

Kaffah atau **total person** ini melihat segala usahanya untuk kebaikan sejati seluruh alam. Kehadirannya menguntungkan semua pihak, termasuk sekitaran. Dalam tindak tanduknya sebagai pemimpin negara, panglima perang, bapa, suami, sahabat dan manusia biasa, Rasulullah saw memberikan contoh bagaimana setiap usaha dilakukan untuk kebaikan menyeluruh. Oleh itu, seseorang itu perlu menguasai ilmu dunia dan juga memiliki sifat-sifat mulia secara batiniyah dalam melakukan setiap pekerjaan agar mencapai hasil yang sempurna.

Sebelum memperkenalkan sahabat kepada aspek solat sehingga haji, urusan perang, urusan mentadbir negara, mengadakan hubungan diplomatik, bercucuk tanam, amalan berdagang dan sebagainya, Nabi saw terlebih dulu menampilkan sifat-sifat terpuji dalam batin para pengikutnya.

Sifat-sifat batin ini merupakan amalan Tasawuf. Jadi, Tasawuf bak kunci hati atau jiwa (Arab: *miftahus sudur*). Allah swt mengingatkan manusia bahawa hati manusia lebih keras daripada batu. Firman Allah swt dalam Surah Al-Baqarah ayat 74, "*Kemudian setelah itu hatimu menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi*". Jadi apabila kunci jiwa dapat dimanfaatkan, hati akan lembut, tunduk kepada Khalik-nya dan mencapai darjat atau taqwa.

Dalam peristiwa Isra' Mi'raj, aspek pembersihan hati yang dilalui oleh Rasulullah saw iaitu hatinya dibedah dan dibersihkan dengan air zamzam oleh Jibril as, kemudian diperkuat dengan ilmu, iman, kelembutan, makrifah. Kesucian hati Baginda telah membawanya berjumpa dan berdialog dengan Allah swt. Pada hal ketika Musa as minta untuk melihat Allah swt, hanya dengan suara yang memuji Allah swt yang menghancurkan sebahagian gunung Tursina itu sahaja telah mengakibatkan Musa as pengsan.

Sesungguhnya Tasawuf adalah disiplin untuk hati tempat terletak ruh Islam. Kelemahan umat Islam kerana ruhnya dan kita berkewajipan untuk membersihkan ruh tadi untuk kembali semula ke jalan *fitrah*, jalan menuju kepada Allah swt.

## TERAS PERTALIAN IHSAN

IHSAN merupakan satu konsep yang dapat disusur daripada salah satu hadis yang masyhur. Ketika dikelilingi oleh para sahabatnya, Nabi Muhammad *saw* telah didatangi oleh seorang lelaki yang sungguh baik keadaannya, berpakaian kemas, tetapi tidak dikenali. Lelaki itu sebenarnya adalah Malaikat Jibril *as* dalam penampilannya sebagai 'manusia'. Lelaki itu bertanya kepada Rasulullah *saw* di tengah persaksian para sahabat, apakah makna Islam, Iman dan Ihsan.

Nabi *saw* menjelaskan erti Islam ialah menjalankan rukun yang lima iaitu perakuan kalimah syahadat, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan dan mengerjakan haji. Kemudian Nabi *saw* menerangkan erti iman iaitu percaya kepada Allah, para malaikat, para nabi, kitab-kitab Allah, hari akhirat serta qada' dan qadar. Mengenai ihsan pula, Nabi *saw* mendefiniskan dengan maksud bahawa *seseorang hendaklah melaksanakan ibadatnya seolah-olah ia melihat Allah, dan jika ia tidak merasa dapat melihat Allah SWT, ia hendaklah menyedari bahawa Allah melihatnya.*

Apakah kaitan Islam, Iman dan Ihsan? Ketiga-tiganya bak tiga unsur dalam satu yang mesti ada dalam diri seorang mukmin iaitu orang yang beriman kepada Allah.

Iman dapat digolongkan kepada lima kedudukan atau maqam:

- ➔ Pertama, iman **matbu'** iaitu iman yang sudah **diacuankan** dalam diri para malaikat sehingga mereka taat

sepenuhnya kepada Allah *swt*. Malaikat dicipta **tanpa nafsu** dan senantiasa melaksanakan perintah Allah SWT. Iman malaikat **tanpa cacat** (zero defects).

- Kedua, iman **ma'sum** iaitu iman yang terdapat pada para rasul dan nabi. Rasul dan nabi adalah manusia, makhluk yang mempunyai nafsu. Tetapi iman mereka senantiasa '**dipelihara**' Allah *swt* daripada terkena noda dunia.

Contohnya, Nabi Lut berada di kota Gomorah dan Sodomah yang penuh dengan perbuatan seks songsang. Kecuali Nabi Lut dan anak-anaknya, tiada yang terpelihara daripada noda dua kota itu termasuk isteri beliau sendiri, yang kemudiannya dimusnahkan oleh Allah *swt*. Iman para nabi dipelihara sehingga tidak timbul tiga jenis keraguan iaitu **syak**, **zahn** dan **waham**. Oleh itu, para nabi juga disebut mempunyai kedudukan atau maqam **kamalul yaqin** – percaya sepenuhnya kepada Allah SWT dan 100 peratus pasrah kepada-Nya.

- Ketiga, iman **maqbul** iaitu iman yang dimiliki oleh mukmin yang bukan terdiri daripada nabi dan rasul. Maqbul bererti **diterima Allah swt**. Mukmin adalah orang yang melaksanakan segala perintah Allah *swt* dan menjauhi larangan-Nya. Nafsu mereka senantiasa teruji dan ada kala mereka nyaris dikalahkan oleh nafsu, tetapi Allah *swt* melindungi mereka pada saat penuh debar ini.

Selepas para nabi dan rasul, manusia yang dipandang mulia di sisi Allah *swt* adalah **wali** (jamak: **aulia**). Teras iman mereka juga dipanggil **mahfudz** iaitu iman yang senantiasa diuji nafsu tetapi dapat diselamatkan kerana rahmat Allah *swt*.

- Keempat, iman **mauquf** iaitu iman milik golongan pembuat bid'ah (istilah Arab: **ahlul bid'ah**) – mengadakan hal yang menghampiri syirik (menyekutukan Allah *swt*) seperti percaya kepada jin, roh atau kuasa-

kuasa lain yang dianggap mempunyai kesaktian; amalan khurafat dan sebagainya.

- Kelima, iman **mardud** iaitu iman orang munafik (berpura-pura) – pada kenal dirinya orang ini Islam, tetapi sebenarnya ia melakukan hal yang bertentangan atau memusuhi Islam, termasuk menyekutukan Allah *swt*. Iman ini **ditolak** Allah *swt* dan balasannya adalah neraka.

## KAITAN IHSAN

Daripada maksud hadis tadi, jelas Nabi *saw* memberikan takrif **ihsan** yang khususnya berbeza dengan **Islam** dan **Iman**. Ihsan menegaskan kehadiran kita di depan Ilahi – seolah-olah kita melihat dan dekat kepadanya.

Erti lihat atau **musyahadah**, dan dekat atau **muraqabah** merupakan teras hubungan antara manusia dengan Penciptanya.

Allah *swt* menegaskan hal ini dalam firmanNya yang bermaksud, “*Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasi kamu.*” (An –Nisaa ayat 1)

Apabila dua konsep ini ditancapkan sepenuhnya dengan sedar dalam jiwa (hati atau **qalb**), maka apa yang kita lakukan adalah kerana Allah (***lillahi ta’ala***) .

Musyahadah dan muraqabah juga menjurus kepada erti **ikhlas**. Di sinilah tepapar persamaan antara **ihsan** dan **ikhlas**. Keujudan manusia di muka bumi ini adalah semata-mata bertujuan mempersembahkan pengabdian yang sempurna terhadap Allah *swt*.

Kenyataan ini jelas terkandung dalam firman Allah *swt* surah Az-Dzariyat ayat 56 yang bermaksud, “*Dan tidaklah aku menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu.*”

Pada urutan usaha awalnya, manusia itu harus berjalan di atas tuntutan Syariat dengan matlamat akhir mengenal Penciptanya, menyerahkan diri, menghidupkan rasa cinta dan redha terhadap Allah *swt*. Namun, segala usaha untuk mendekati diri dengan Allah *swt*, atau mendayakan kesempaan persembahan pengabdian itu tidak akan berjaya kecuali ia ditimbulkan dari dasar ikhlas. Sekiranya manusia berkeupayaan mengikhlaskan pengabdiannya kepada Allah *swt*, memusatkan seluruh kehidupannya dalam lingkaran penghambaan yang jujur, dan mengujudkan pengertian seperti yang ia sebut setiap hari: *Hanya kepada Engkaulah kami sembah dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan*, maka Allah *swt* menjanjikan bahawa syaitan tidak akan memperoleh suatu jalan pun untuk sampai kepadanya.

Malah ada sesetengah ulama menganggapkan kedua-dua istilah itu sama atau boleh digunakan silih berganti.

Ikutilah kisah berikut:

Seorang penuntut tasauf bernama Abul Qassim Aljunaid Al Baghdadi telah ditalqinkan (diajarkan) oleh gurunya, As-Sirr as-Saqati agar sering mengucapkan tiga kalimah sebelum tidur selama sebulan:

- **Allahu Ma'i** (Allah bersamaku)
- **Allahu Nazirun Ilaiya** (Allah melihat kepadaku)
- **Allahu Syahidun 'Alaiya** (Allah melihat atasku)

Tiga kalimah tadi sebenarnya bak ikrar mengenai perihal hadir, dekat dan melihat Allah *swt*. Guru tadi bertanya muridnya apakah kesan tiga kalimat tadi kepada dirinya. Aljunaid berkata, beliau merasa amat waspada sebelum melakukan sesuatu perkara yang mendekati maksiat. Malah, beliau terhindar dari perlakuan maksiat setelah menerima dan mengamal talqin gurunya.

Rasa kewaspadaan daripada berbuat maksiat ini tentulah memelihara iman seorang mukmin agar terus tergolong dalam

maqam **ma'sum**. Jadi kita juga harus amalkan apa yang dilakukan oleh Aljunid dalam langkah kita mendalami tasawuf.

Konsep musyahadah membawa maksud melihat (**basariah**) tetapi ia bukanlah melihat dengan mata kita. Hanya Nabi Muhammad *saw* yang dapat melihat Allah *swt* ketika mikraj. Para nabi lain juga meminta untuk melihat Allah *swt*, seperti dalam hal Nabi Musa di Gunung Tursina. Namun Allah *swt* tidak mengizinkan kerana mereka tidak akan berupaya melihat-Nya dalam keberadaan mereka di dunia ini. Bahkan sebahagian Gunung Tursina hancur ketika baru saja tanda kebesaran Allah *swt* ditunjukkan. Menurut Rasulullah *saw*, cahaya Allah *swt* diliputi oleh 72 hijab (perintang) dan belum pun terbuka satu hijab saja, akan luluhlah isi alam ini.

Jadi bagaimanakah kita melihat?

Dalam pengertian tasawuf, kita melihat melalui kemampuan mata hati. Sehubungan ini, Imam Malik *ra*, ditanya mengapakah kita tidak dapat melihat Allah *swt*. Dengan halus dan mudah Imam Malik menjawab, bermaksud: “Yang fana’ tidak dapat melihat Yang Baqa’. Hanya yang kekal dapat melihat Yang Kekal.”

Apa jua yang wujud di alam ini, termasuk manusia, adalah dalam keadaan sementara atau tidak kekal. Kehidupan kekal hanya diperolehi di akhirat dan ketika itulah manusia akan dapat melihat Allah SWT berdasarkan kurnia-Nya.

Jelaslah apabila seorang insan memahami ihsan, maka ia akan merasa seperti melihat Allah dalam hatinya. Kesannya akan membawa ketenteraman dalam jiwa – suatu yang tidak ternilai harganya.

## CARA MEMAHAMI IHSAN

Mestilah seseorang itu **berilmu** demi menggarap pengertian ihsan akan tertancap dalam kalbu atau hatinya. Proses ini tidak mudah.

Sumber ilmu terbahagi dua: pertama yang dipelajari dan kedua, yang dianugerahkan oleh Allah *swt*.

Dalam Islam, ilmu terbahagi kepada tiga iaitu tauhid, fiqh dan tasawuf. Ia melibatkan peraturan hubungan manusia dengan Penciptanya, hubungan manusia sesama manusia, dan hubungan manusia dalam jiwanya atau secara introspektif.

Hari ini sering ilmu dipisahkan daripada dua perkara iaitu hubungan dengan Tuhan dan jiwa manusia. Inilah punca kepincangan dalam mencari ilmu dan membawa kesan yang merugikan manusia.

Daripada tiga aspek tadi, kita menemui pengertian: syariah (perihal undang-undang manusia), tariqah (perjalanan jiwa), haqiqat (kebenaran yang tersimpan jauh di lubuk jiwa atau juga disebut rahsia jiwa – *sirr*).

Perbuatan seperti taubat (kembali ke jalan Allah), taqwa (takut kepada Allah), dan istiqamah (konsisten atau tekal melaksanakan perintah Allah) merupakan sebahagian dari perlakuan syariah atau dipaparkan secara zahir.

Misalnya, untuk bertaubat: seseorang itu mestilah menunjukkan rasa sesal atau *nadam*, beristighfar (meminta ampun kepada Allah *swt*), dan meninggalkan maksiat.

Taubat harus di ikuti dengan istighfar sebagaimana yang telah di firmankan oleh Allah Jalla Jalaaluh dari surah Al Maidah ayat 74 : *“Mengapa mereka tidak bertaubat kepada Allah dan memohon ampun (beristighfar) kepadaNya? Dan Allah maha pengampun lagi Maha Penyayang.”*

Tidak betul jika seseorang itu sudah bertaubat hanya sekadar menyebutnya dalam hatinya, sedangkan dari segi perbuatan dia masih melakukan perkara sumbang. Awasi juga orang yang mengaku sudah insaf dan meniggalkan perbuatan buruk yang lama tetapi melaku perbuatan baru yang tidak kurang celanya.

Untuk kembali ke jalan Allah swt, selain menimba ilmu, seseorang itu hendaklah melakukan pembaikan atau **islah**.

Islah atau pembaikan ini memang sangat dianjurkan oleh Islam. Dalam kaitan ini Allah swt menjelaskan “Maka barang siapa yang bertaqwa dan membuat pembaikan, tidaklah ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati.” (Surah Al A’raf ayat 35)

Konsep islah amat luas kerana boleh diibaratkan sebagai pemulihan tabiat, peningkatan ilmu, memulakan kehidupan baru atau berhijrah (berpindah) dari satu keadaan (negeri atau tempat) ke keadaan yang lain. Jelasnya, islah mengkehendaki perlucutan sifat cela atau **mazmumah** kepada sifat terpuji atau **mahmudah**.

Untuk menjayakan islah, tiga perkara asas diperlukan iaitu:

- **ikhlas**
- **siddiq** (benar)
- **tuma’ninah** (tenteram).

Jelaslah dalam hal ini, perbuatan islah itu melibatkan pensusian diri dari segi fikh atau melaksanakan rukun Islam dan rukun Iman yang dilihat dari segi zahir, dan juga dari sudut pembersihan batin dan rahsia hati (sirr).

Sekadar contoh, A marah kepada seorang kawannya, B, yang sekian lama dipercayai dan kemudian terbukti mengkhianatinya. A menunjukkan muka (zahir) yang berang, hatinya (batin) perih dan dalam rahsia hatinya (sirr) tersimpan dendam.

Untuk berislah, maka A terlebih dulu perlu bertaubat. Islah yang dilakukannya akan bersifat bathin atau dhamir. Dia perlu:

- membuang (takhliah) sifat cela/mazmumah dan,
- memasukkan (tahliah) sifat terpuji/mahmudah.

## ADIB DAN GANJARANNYA

Islah membawa pembentukan insan beradab atau **adib** yang dari segi zahir dan bathin suci daripada sifat cela, tetapi gemilang dengan sifat terpuji. Insan ini merasa tenteram (tuma'ninah). Hatinya senantiasa tunduk kepada Allah *swt* atau disebut **tawadhu'**.

Sebuah hadis qudsi (firman Allah yang disampaikan kepada Nabi Muhammad *saw* untuk keperluannya dan kemudian disampaikan pula oleh Nabi *saw* dengan kefahaman dan bahasanya untuk dimanfaatkan oleh para sahabat) yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, antara lain bermaksud demikian:

*Barangsiapa yang menyakiti waliku, Aku memaklumkan perang kepadanya, dan tiada mendekati hamba-Ku kepadaKu dengan suatu pekerjaan yang lebih Aku sukai daripada mengerjakan apa yang telah Aku fardukan ke atasnya. Dan sentiasa hamba-Ku mendekati dirinya kepadaKu dengan melakukan segala yang sunnat. Apabila Aku telah mencintainya, maka Akulah yang menjadi pendengaran yang ia mendengar melaluinya, dan penglihatan yang ia melihat menerusinya, dan tangannya yang ia gunakan dan tamparkan dengannya, dan kakinya yang ia gunakan untuk berjalan. Dan demi jika ia minta kepadaKu, nescaya Aku berikan kepadanya. Dan demi jika ia minta perlindungan kepadaKu, nescaya Aku melindunginya.*

Pembahasan hadis qudsi ini amat luas, mungkin satu buku tebal. Tetapi sekadar memahaminya secara ringkas, ia menunjukkan betapa insan yang sudah berislah menerusi proses Islam, Iman dan Ihsan, sehingga terlucut segala sifat keji dan terterap serta terpantul segala sifat terpuji, akan dicintai Allah *swt*. Memasuki kedudukan atau maqam 'mahabatullah' (dikasihi Allah) merupakan setinggi-tinggi kurnia Ilahi kepada hamba-Nya. Inilah matlamat ajaran Islam, khususnya yang sering diperjuangkan oleh tasawuf. Sebenarnya, ajaran tasawuf boleh juga dikatakan sebagai sesuatu yang melengkap atau menyempurnakan ikhtiar insan untuk kembali ke hadrat Allah *swt* dalam keadaan '**ahsani taqwim**'. Untuk menjalani proses pensucian jiwa

sehingga mencapai peringkat sebaik-baik insan, manusia harus melibatkan seluruh anggotanya, diteguhkan pula dengan gerakan jiwanya sehingga ia bebas dari segala kekotoran yang menutup mata hati dirinya. Apabila keadaan ini berhasil, maka dirinya itu sentiasa tidak terlepas dari mengingati Allah swt, serta jiwa dan hatinya mengekalkan pendiriannya terhadap Allah swt.

Maksud 'perang' ialah dibenci Allah swt. Bermakna wali atau mukmin yang menjadi kekasih Allah akan terpelihara sehingga orang yang cuba mengkhianatinya akan gagal dengan sendirinya.

Dalam perkara ini Allah swt menerangkan bahawa para wali itu sentiasa tidak mengalami kesedihan dan kebimbangan. Dalam surah Yunus ayat 62, Allah Rabbul 'Izzah mengatakan *"Ingatlah, sesungguhnya para wali-wali Allah tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati."*

Untuk mencapai maqam ini, seseorang itu bukan saja melakukan yang fardu (solat, zakat, puasa dan haji) tetapi melakukan juga yang sunnah (solat sunnah seperti tahajud, rajin bersedekah dan sebagainya).

Lama-kelamaan orang yang menjadi kekasih Allah akan merasa apa yang dilihat, dihidu, dirasakan, dilakukan atau setiap pengendaliannya senantiasia mendapat 'pedoman' atau petunjuk Ilahi.

Inilah jalan yang harus diperjuangkan dalam kita mencari keredhaan dan mahabbah dari Allah Rabbul Arbab. Firman Allah swt dalam surah Al Ankaabut ayat 69, *"Dan orang-orang yang berjihad untuk mencari keredhaan Kami, benar-benar akan kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang berbuat baik."*

Betapa sentosa dan damai orang sedemikian. Semoga kita mencapai matlamat ini.

